

DR. M: BAHASA MALAYSIA TETAP DIGUNA DI VARSITI2

1976
KUALA LUMPUR, Selasa.— Dr. Mahathir Mohamad malam ini menegaskan bahawa semua universiti-universiti di Malaysia akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam masa beberapa tahun akan datang.

Katanya, apabila ini berlaku Universiti Kebangsaan yang ketika ini menjadi kemuncak pelajaran dalam Bahasa Malaysia tidak berkedudukan seperti itu lagi.

Berucap di majlis makan malam tahunan Kesatuan Mahasiswa Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan di sini, Timbalan

Perdana Menteri gembira kerana telah banyak universiti-universiti lain menjalankan kursus-kursus dalam Bahasa

Malaysia.

Bagaimanapun, beliau berharap Universiti Kebangsaan sebagai sebuah universiti yang ulung menggunakan Bahasa Malaysia akan terus menjadi universiti yang terkemuka dan mempunyai kedudukan tinggi di negara ini.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran percaya mahasiswa dan tenaga pengajar Universiti Kebangsaan dapat berusaha ke arah tujuan tersebut.

"Bagi pihak Kerajaan, kami boleh berusaha memberi bantuan, tetapi kalau pelajar-pelajar tidak sanggup berusaha, hasil ini tentu tidak dapat dicapai," kata beliau.

Menasihatkan

Beliau kemudian menasihatkan pelajar-pela-

jar jangan mudah puas hati dengan keadaan yang berlaku.

Matalamat negara masih belum tercapai sepenuhnya dan masih memerlukan tenaga dan sumbangan tidak terhad kepada sesiapa yang boleh memberikan perkhidmatannya.

Beliau mengingatkan bahawa negara tidak boleh membangun jika rakyat tidak mengubah sikap yang boleh membawa ke arah kemajuan dengan menyertai usaha-usaha pembangunan mengikut kemampuan masing-masing.

Dr. Mahathir menyeru mahasiswa perubatan Universiti Kebangsaan memainkan peranan serta melaksanakan tanggungjawab disamping menunjukkan kepada masyarakat, bahawa doktor-doktor juga boleh dilatih melalui bahasa

pengantar Bahasa Malaysia.

Beliau juga mengingatkan mereka bahawa masyarakat menaruh perhatian terhadap mereka untuk memenuhi dan menentukan kehendak dan keperluan masyarakat di masa akan datang.

Beliau percaya mahasiswa-mahasiswa perubatan Universiti Kebangsaan tidak akan menghampakan harapan masyarakat dan negara.